

# MAJLIS PERASMIAN DSA 2018 DAN NATSEC Asia 2018

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3335-majlis-perasmian-dsa-2018-dan-natsec-2018](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3335-majlis-perasmian-dsa-2018-dan-natsec-2018)

KUALA LUMPUR, 15 Apr 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah hadir di Majlis Perasmian #DSA2018 dan #NATSECAsia2018 yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bertempat di Hotel Shangri-La.

Beliau cukup kagum dan bangga di atas penganjuran DSA 2018 & NATSEC Asia 2018 kerana pihak Pertahanan dan Keselamatan Negara dapat bergabung bagi menjayakan acara yang julung kalinya diadakan.

Turut hadir di majlis ini, Menteri Pertahanan; Dato' Seri Hishammuddin Hussein Tun Hussein, Timbalan Menteri Pertahanan; Dato' Sri Johari Baharum, Panglima Angkatan Tentera; YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Ketua Polis Negara; Inspektor Jen Tan Sri Dato' Sri Mohamad Fuzi Harun, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Dato' Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri; Dato' Seri Alwi Bin Hj Ibrahim serta Para pempamer DSA 2018 dan NATSEC Asia 2018.





